

31/03/2001

Melaka tuan rumah sambutan Hari Guru

Syuhada Choo Abdullah

SELEPAS Perak, kini tiba pula giliran Melaka diberi penghormatan sebagai tuan rumah Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2001, yang disambut pada setiap 16 Mei.

Ekoran kegawatan ekonomi yang melanda negara pada 1997, perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan sekadar disambut dengan sederhana di Auditorium Bahagian Teknologi Pendidikan, Kuala Lumpur, pada 1998, disusuli Pusat Pameran Antarabangsa The Mines di Sungai Besi pada tahun berikutnya.

Menurut Pegawai Perhubungan Awam Kementerian Pendidikan, Ab Kahar Harun, tahun ini kira-kira 2,000 jemputan mewakili segenap lapisan warga pendidikan dari seluruh negara, akan memeriahkan majlis perayaan kali ke-30 itu.

Antara mereka yang dijangka hadir ialah pegawai utama dari Kementerian Pendidikan, termasuk Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad; Timbalan Menteri Pendidikan, Setiausaha Parlimen dan Ketua Pengarah Pendidikan.

Selain itu, katanya, pegawai dari setiap jabatan pendidikan negeri (JPN) juga dijemput di samping wakil pertubuhan guru tanah air seperti Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK), Kesatuan Kebangsaan Guru-guru Ugama Malaysia Barat (KKGUMB), Kesatuan Guru Bumiputera Sarawak serta Kesatuan Guru-guru Sabah.

Seperti juga tahun sebelumnya, beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka melancarkan perayaan kebangsaan itu yang akan berlangsung pada jam 8.30 malam di Auditorium Dewan Seri Negeri, Melaka.

"Tema perayaan Hari Guru kali ini ialah 'Memartabatkan Profesion Keguruan Tanggungjawab Bersama' sebagai kesinambungan penekanan kepada tema tahun lalu, iaitu 'Bersatu Memartabatkan Profesion Keguruan'," katanya kepada Berita Harian, baru-baru ini.

Ab Kahar berkata, pelbagai aktiviti sudah pun dirancang untuk menjadikan perayaan Hari Guru peringkat kebangsaan kali ini lebih bermakna dan meriah, termasuk menganjurkan Seminar Pendidikan Hari Guru dan Pameran Buku yang terbuka kepada kira-kira 500 peserta.

Beliau berkata, seminar yang dijadualkan berlangsung di Auditorium Dewan Seri Negeri dari jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang itu akan dirasmikan oleh Ketua Pengarah Pendidikan, Abdul Rafie Mahat.

Menurutnya, kertas kerja yang akan dibentangkan dalam seminar berkenaan bertajuk 'Cabaran Pendidikan Alaf Baru: Isu Globalisasi dan Peranan Guru Membangun Pendidikan Bertaraf Dunia'.

Barisan panel yang akan mengupas kertas kerja berkenaan ialah Ketua Nazir Sekolah, Datuk Abd Rahim Tahir, dan Pengetua Cemerlang dari Sekolah Menengah Kebangsaan Victoria, Kuala Lumpur, Baharom Kamari.

Satu lagi kertas kerja yang akan turut dibentangkan dalam seminar itu bertajuk 'Memartabatkan Profesion Keguruan Tanggungjawab Bersama' dengan barisan panel dari kalangan tokoh pendidikan, Profesor Emeritus Tan Sri Dr Awang Had Salleh, dan juga Timbalan Rektor (Hal-Ehwal Pelajar dan Disiplin) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Profesor Madya Dr Sidek Baba; selain Dr Abdul Rahman Daud dan Prof Dr Othman El-Muhammady.

Seterusnya, beliau berkata, program lain yang disusun ialah jamuan makan malam dan acara 'Lawatan Kenali Melaka' (dijangka disertai kira-kira 160 orang) di samping persembahan koir serta orkestra di majlis pelancaran nanti.

"Agenda utama yang pasti tidak ketinggalan pada perayaan Hari Guru

peringkat kebangsaan ialah penyampaian Anugerah Tokoh Guru di samping penghargaan lain seperti Anugerah Sekolah Harapan Negara, Anugerah Guru Inovatif, Anugerah Guru Cemerlang Pendidikan Khas serta penyampaian hadiah kepada pemenang peraduan mengarang dan pertandingan bahas sempena sambutan acara tahunan itu," katanya.

(END)